

Home / Terkini / TDM ambil alih tanah bernilai RM14.1 juta untuk pembangunan hospital swasta di Kemaman



TERKINI - 17 Jul 2023 05:39 PM

DagangNews.com

TDM ambil alih tanah bernilai RM14.1 juta untuk pembangunan hospital swasta di Kemaman



Oleh NOR AZAN FITRI AHMAD HIDZIR
azan@dagangnews.com

KUALA LUMPUR 17 Julai - TDM Berhad menerusi anak syarikatnya, KMI Assets Sdn. Bhd. memeterai perjanjian jual beli (SPA) bersama Majlis Perbadanan Kemaman (MPK) untuk mengambil alih tanah pegangan bebas yang dikategorikan sebagai tanah rizab melayu bernilai RM14.1 juta berkeluasan 21,860 meter persegi di Cukai, Kemaman.

Dalam satu makluman kepada Bursa Malaysia, kumpulan itu berkata, cadangan pengambilalihan tanah itu membolehkan KMI Assets membina hospital swasta yang akan dikendalikan oleh anak syarikat mereka yang akan dimaklumkan kemudian.

Katanya, pembangunan hospital swasta itu adalah bersesuaian dengan strategi dan rancangan TDM untuk pengembangan jenama KMI Healthcare di kawasan lain di Pantai Timur Malaysia dan pada masa sama mewujudkan nilai ekonomi serta potensi pendapatan untuk kumpulan itu.

"Nilai yang ditetapkan itu adalah berdasarkan kesediaan kedua-dua pihak penjual serta pembeli selepas mengambil kira kedudukan yang hampir dengan pekan Cukai yang meningkatkan prospek pembangunan bangunan hospital swasta.

"Deposit akan dibiayai melalui dana yang dijana secara dalaman manakala baki harga belian akan disediakan melalui dana yang dijana secara dalaman dan kemudahan bank.

"Pada ketika ini, adalah awal bagi Kumpulan TDM untuk memastikan pecahan tepat antara dana yang dijana secara dalaman dan kemudahan bank," katanya.

Cadangan pengambilalihan tanah itu dijangka tidak memberi kesan kepada pendapatan kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

Bagaimanapun, ia dijangka memberi sumbangan positif kepada pendapatan kumpulan itu pada masa hadapan. - DagangNews.com



Layari kami terus di DagangNews.com dan juga



Orang ramai yang ingin memberi pandangan atau suara hati, boleh menghantar tulisan ke suratpembaca@dagangnews.com dengan menyatakan:

1. Nama Pena (Jika tidak mahu guna nama sebenar).
2. Nama Sebenar seperti dalam Kad Pengenalan (Untuk rekod kami).
3. No. Telefon (untuk kami hubungi semula).
4. Menulis mengikut 5 Prinsip Rukun Negara.
5. Tidak melebihi 1,000 patah perkataan.
6. Editor berhak untuk menyunting atau menolak artikel secara profesional.

ARTIKEL BERKAITAN



TERKINI - 21 Jul 2023 06:19 PM
Terbitan hak One Glove catat kekurangan langganan sebanyak 3.29%



TERKINI - 21 Jul 2023 06:10 PM
IPO KGW Group terlebih langgan sebanyak 50.45 kali



TERKINI - 21 Jul 2023 06:02 PM
MDEC perkuh kerjasama Malaysia-Indonesia bagi pacu ekonomi digital ASEAN



TERKINI - 21 Jul 2023 05:36 PM
Galak wakaf dalam pasaran modal Islam bagi pacu pembangunan sosioekonomi - SC



TERKINI - 21 Jul 2023 05:34 PM
7-Eleven sah lepaskan pegangan ekuiti Caring Pharmacy kepada BIG Pharmacy



TERKINI - 21 Jul 2023 05:32 PM
MAHB catat 56.1 juta pergerakan penumpang pada separuh pertama 2023, capai 82% daripada tahap sebelum pandemik

LINK

Home
Pilihan Editor
Terkini
Video
Merrepak
Kolumnis
Parafraza
Sukan

FB LIKEBOX

DagangNews.com
Follow Page 5.9K followers

KOTA KINABALU, Sabah menduduki tangga keenam destinasi popular yang ingin dikunjungi rakyat Malaysia pada musim panas ini, menurut Google.

CONTACT INFO

Dagang News Sdn Bhd 06-06, Pusat Perdagangan, Plaza Azalea, 10, Persiaran Bandar Raya, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor
✉ editor@dagangnews.com